

Soalan 3

Dalam petikan 1, terdapat lima kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Di kalangan ibu bapa hari ini, kebanyakan berpendapat bahawa untuk memahiri anak-anak dengan bahasa Inggeris, bahasa ini perlu diajar sejak dari anak-anak masih kecil lagi. Hal ini memang ada kebenarannya. Namun, ibu bapa juga harus sedar bahawa jika bahasa asing ini diajar terlebih dahulu tanpa memberi penekanan kepada bahasa ibonda yang amat penting untuk proses melatih mereka berfikir, keadaan ini akan mengundang kepada masalah budaya bahasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Maruah Bahasa Melayu',
Utusan Malaysia, Ogos 2007

[5 markah]

Petikan 2

Generasi tua telah terasuh dengan budaya dan adab sopan yang menitikberatkan nilai-nilai budi di dalam setiap perbuatan dan perbualan. Mereka sentiasa meletakkan budi bahasa sebagai kelengkapan kehidupan berhemah. Budi bahasa lazimnya merujuk pada tutur kata, kelakuan, dan sopan santun yang meliputi akhlak mulia. Untuk menyuburkan amalan yang mulia ini, kerajaan melancarkan kempen budi bahasa. Justeru, kesedaran sivik masyarakat umum mestilah ditingkatkan oleh semua pihak-pihak untuk melahirkan warga negara yang berhemah tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Generasi Emas',
Utusan Malaysia, Oktober 2000

[6 markah]